

SESI LATIHAN DAN *COMMISSIONING* ALAT FKK 2020

Prepared by Nur Fadzillah Abu Kassim

Pada tanggal 12 dan 26 Februari 2020, sesi latihan dan commissioning alatan seperti spectrophotometer, hand auger dan refractometer telah di adakan di sekitar Blok Makmal Kejuruteraan Kimia. Sesi ini telah dihadiri oleh beberapa orang pensyarah dan juga kesemua staf makmal. Manakala, wakil dari jawatankuasa teknikal peralatan juga turut hadir untuk memastikan kesemua spesifikasi alat telah dipenuhi oleh pihak pembekal. Kedua sesi ini telah berjaya dilaksanakan dalam masa 1 sehingga 1.5 jam.



Untuk alat spectrophotometer, sesi latihan dan commissioning ini telah dilatih oleh pihak syarikat pengeluar iaitu daripada syarikat HACH manakala untuk alat hand auger dan refractometer, sesi ini telah dikendalikan oleh pihak pembekal sendiri. Tujuan pembelian spectrophotometer dan hand auger adalah untuk keperluan kod subjek CEV444 (Instrumental and Environmental Analysis) di mana kedua-dua alatan ini digunakan masing-masing untuk analisa water quality parameter dan pengambilan sampel tanah. Manakala, alat refractometer pula untuk keperluan subjek CEV452 (Unit Operation Laboratory) yang bakal digunakan untuk mengukur refractive index larutan daripada sampel eksperimen yang menggunakan unit distillation column. Justeru, dengan pembelian kesemua alatan ini dapat melancarkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

